

Unimas-IKM anjur bengkel penyelidikan

KOTA SAMARAHAN 12 Feb. - Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) menjalin kerjasama dengan Institut Kimia Malaysia (IKM) dan Sekolah Antarabangsa Lodge dengan menganjurkan bengkel penyelidikan kimia di Fakulti Sains dan Teknologi Sumber Unimas pada 31 Januari lalu.

Pengerusi bengkel, Dr. Tay Meng Guan berkata, program yang bertemakan 'Keseronokan Saintis Baharu 2' itu bertujuan mendedahkan para pelajar dengan teknik instrumentasi yang sering digunakan untuk menganalisis bahan kimia.

Katanya, bengkel tersebut turut melibatkan seramai 13 pelajar A-Level dari Sekolah Antarabangsa Lodge, Kuching dengan penyertaan secara langsung dalam aktiviti instrumentasi visual.

"Antara aktiviti yang dilaksanakan iaitu Spektroskopi Magnetik Nuklear (NMR), Spektroskopi Transformasi Inframerah (FTIR), Spektroskopi Ultraviolet Nyata (UV-Vis) dan Spektormeter Gas Kromatografi (GCMS).

"Aktiviti tersebut membolehkan para pelajar menganalisis visual penglihatan daripada sudut sains selain berpeluang menggunakan sendiri bahan-bahan kimia," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.